

# Yasmin

**Serdang:** Kehadiran kumpulan pengiring dan penyambut tetamu dengan raut wajah yang jelita bukan sekadar penyeri, malah memainkan peranan penting bagi memastikan kelancaran majlis.

Pelajar Bacelor Doktor Perubatan, Yasmin Mohammed Yasin, antara wajah yang biasa dilihat memainkan peranan itu dalam majlis rasmi di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Gadis kacukan Arab, Pakistan dan Thailand itu berkata, tugas berkenaan cukup mengujakan kerana memberinya peluang berinteraksi dengan tokoh dihormati termasuk idolanya, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang berkunjung ke universiti itu baru-baru ini.

**PROFIL**

**Yasmin Mohammed Yasin**
**Umur:** 20 tahun
**Asal:** Kuala Lumpur
Program pengajian:
Bacelor Doktor Perubatan (Tahun Dua)
**Hobi:** Peragaan
**Idola:** Tun Dr Mahathir Mohamad
Akaun laman sosial:
Yasmin Yasin (Facebook) / yasminyasin21 (Instagram)